

14 AUG 1998

PNB-PERTUMBUHAN/I

PNB YAKIN PERTUMBUHAN DALAM PELABURAN BERSIH

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) yakin mencapai pertumbuhan dalam pelaburan bersih dana-dananya meskipun kejatuhan dalam pasaran saham, kata pengerusi Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Bagaimanapun, masih terdapat jurang dalam pelaburan di kalangan Bumiputera dan bukan Bumiputera, katanya.

Beliau berharap pengumuman dividen sebanyak 9.8 peratus bagi Amanah Saham Wawasan 2020 akan memupuk keyakinan dalam pelaburan di kalangan pemegang unit sedia ada dan menggalakkan pelaburan baru bagi pihak yang belum melabur dalam unit amanah itu.

"Bagi saya, dividen 10.1 peratus tahun lalu dan 9.8 tahun ini memberi keyakinan secukupnya bahawa kami melindungi nilai pelaburan," katanya.

Oleh itu, ia bergantung sepenuhnya kepada pelabur sedia ada untuk mengukuhkan prestasi PNB," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan, bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pembayaran dividen ASW 2020 yang diadakan di sini, hari ini.

Turut hadir di majlis itu adalah Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman.

"Tanpa membuat perbandingan dengan skim lain, saya menyatakan ASW 2020 adalah skim yang sangat menarik dan berharap dividen 9.8 peratus itu akan menjadi penanda aras baik untuk memberi sepenuh keyakinan kepada pemegang unit sepanjang tempoh kegawatan ekonomi," katanya.

Beliau juga berharap untuk melihat keseimbangan pelaburan dalam ASW 2020 yang diperuntukkan kepada Bumiputera (RM1,205.50 juta) dan bukan-Bumiputera (RM229.60 juta) diteruskan dengan segera, tetapi sekali lagi ia bergantung kepada faktor-faktor seperti keyakinan pelabur.

"Jika PNB boleh terus mengisytiharkan dividen pada kadar seperti yang biasa kami umumkan sebelum ini, kami yakin pemegang unit akan menggunakan unit amanah kami sebagai satu bentuk simpanan bagi perlindungan di masa," katanya.

Ahmad Sarji juga menggesa pemegang unit mengekalkan dividen mereka kerana beliau merasakan ASW 2020 stabil dan menguntungkan dalam tempoh jangka panjang.

Sementara itu, Hamad Kama Piah berkata, sejak skim itu dilancarkan dua tahun lalu, ia telah menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 20 peratus dalam bentuk jumlah pelabur.

Daripada segi negeri, Selangor mempunyai paling banyak unit yang terjual dengan 317 juta, diikuti oleh Wilayah Persekutuan (221 juta), Perak (161 juta) Sabah (160 juta) Johor (134 juta) dan Sarawak (121 juta).

Ahmad Sarji berkata PNB berpuas hati dengan jumlah pemegang unit sambil menambah: "kami mahu mengurus dan mentadbir wang itu dengan berhemat dan membawa pulangan baik kepada pelabur".

Apabila ditanya mengenai ramalan dividen bagi ASW 2020 tahun depan, Ahmad Sarji berkata: "Ia bergantung sepenuhnya kepada kuasa pasaran. Jika pasaran berubah dan saham meningkat, kami akan mengisytiharkan dividen tinggi".

Bagaimanapun, Ahmad Sarji yakin kegawatan ekonomi ketika ini akan pulih tidak lama lagi dan hanya masa akan menentukannya.

-- BERNAMA

AA ZMY ZK